

LAMPIRAN A

GLOSERI ISTILAH

GLOSERI ISTILAH

Anomali

Seperti yang ditakrifkan dalam Akta yang berkenaan.

Bayaran Insentif

Elaun yang diberi kepada anggota sektor awam sebagai galakan serta penghargaan berdasarkan kriteria-kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan dan kerana tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Bayaran Insentif adalah merupakan sebahagian daripada Komponen Berubah.

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Elaun yang dibayar kepada anggota-anggota perkhidmatan tertentu sektor awam yang tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Elaun ini adalah salah satu jenis elauan yang dibayar di bawah Bayaran Insentif.

Gaji Maksimum

Matagaji tertinggi dalam sesuatu Gred gaji mengikut Jadual Gaji Matriks.

Gaji Matriks

Matagaji yang disusun mengikut Tangga dan Peringkat bagi sesuatu Gred gaji dalam Jadual Gaji Matriks. Setiap Gred gaji mempunyai tiga Peringkat dan bilangan Tangga yang tertentu.

Gaji Minimum

Matagaji terendah dalam sesuatu Gred gaji mengikut Jadual Gaji Matriks.

Gaji Permulaan

Matagaji yang ditetapkan untuk seorang anggota yang baru dilantik tertakluk kepada Skim Perkhidmatan berkenaan.

Gaji Pokok

Matagaji dalam struktur gaji baru yang diambilkira untuk faedah pencen.

Gred

Satu lapisan gaji yang mengandungi tiga Peringkat dan bilangan Tangga yang tertentu untuk sesuatu Kumpulan Perkhidmatan dalam Jadual Gaji Matriks mengikut Klasifikasi Perkhidmatan berkenaan.

Imbuhan Tahunan

Salah satu imbuhan dalam Komponen Berubah yang bayarannya tertakluk kepada keadaan ekonomi dan kemampuan Kerajaan untuk membayar.

Imbuhan Tetap

Bayaran yang setiap bulan diberi kepada anggota yang layak seperti Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam.

Jadual Gaji Matriks

Jadual gaji untuk setiap Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi Gred-gred gaji berdasarkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Jawatan Gred Khas

Jawatan diperingkat tertinggi dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang Grednya ditetapkan berdasarkan kepada tahap kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Jawatan Utama

Jawatan peringkat pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang menjalankan tugas pengurusan peringkat tertinggi dan pengubalan dasar negara.

Klasifikasi Perkhidmatan

Penggolongan perkhidmatan-perkhidmatan berdasarkan persamaan peranan, bidang dan fungsi.

Komponen Berubah

Jenis-jenis bayaran dalam struktur gaji baru yang pemberian dan pengamalannya boleh berubah-ubah mengikut keperluan seperti Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan Bayaran Insentif Pakar.

Kumpulan Perkhidmatan

Peringkat Perkhidmatan dalam sesuatu Klasifikasi Perkhidmatan, iaitu, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Pelarasian Gaji

Pemberian kenaikan gaji secara menyeluruh mengikut kadar yang ditetapkan sama ada dalam bentuk peratusan atau kadar tertentu.

Pergerakan Gaji

Kemajuan dari satu matagaji ke satu matagaji yang lain dalam Jadual Gaji Matriks mengikut empat keadaan, iaitu, secara statik, mendatar, menegak atau melintang.

- **Statik**
Kekal di atas matagaji yang sedang diterima.
- **Mendatar**
Pergerakan dari satu matagaji ke satu matagaji di Tangga yang lebih tinggi atas Peringkat yang sama.
- **Menegak**
Pergerakan dari satu matagaji ke satu matagaji atas Tangga yang sama tetapi ke Peringkat yang lebih tinggi.
- **Melintang**
Pergerakan dari satu matagaji atas sesuatu Peringkat ke satu matagaji di Tangga dan Peringkat yang lebih tinggi.

Peringkat Gaji

Matagaji yang disusun secara menegak dalam sesuatu Gred dalam Jadual Gaji Matriks.

Perkhidmatan Jumud

Perkhidmatan yang tidak diperlukan lagi dan semua perlantikan baru diberhentikan.

Saraan

Jumlah gaji dan elaun serta kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah persaraan yang dinikmati oleh anggota sektor awam.